

Syarikat tender projek RMK-9 akan diperiksa

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

BALIK PULAU 28 Julai – Syarikat yang berhasrat mendapatkan projek Pembangunan baru di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sebagaimana diumumkan baru-baru ini akan disemak dan diperiksa statusnya sebelum dianugerahkan sesuatu projek.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Datuk Seri Dr. Hilmi Yahya berkata, semakan dan pemeriksaan status sesebuah syarikat merupakan pendekatan terbaru kerajaan bagi memastikan syarikat tersebut benar dan sah beroperasi sekaligus mengelakkan penyelewengan.

Katanya, melalui pendekatan itu diharapkan kesemua 880 projek bernilai RM15 bilion yang bakal dilaksanakan di bawah RMK-9 nanti akan ber-

Melalui pendekatan itu diharapkan kesemua 880 projek bernilai RM15 bilion yang bakal dilaksanakan di bawah RMK-9 akan berjaya dan tidak tertangguh sebagaimana banyak projek dalam RMK-8

jaya dan tidak tertangguh sebagaimana banyak projek dalam RMK-8.

"Kita akui ada syarikat yang aktif tetapi apabila pemeriksaan dan semakan dilakukan ke atas syarikat tersebut pejabat pun tak ada, jadi bagaimana kita nak yakin bahawa syarikat itu mampu menjayakan projek yang diberikan," katanya kepada pemberita selepas majlis meraikan persaraan Pengetua Sekolah Menengah Kebang-

saan Seri di sini hari ini.

Antara projek dalam senarai awal itu termasuk pembinaan lebih daripada 450 sekolah rendah dan menengah, jalan, projek perbekalan air dan Terminal Pengangkutan Bersepadu di Gombak, Selangor.

Tender bagi projek-projek itu, yang merupakan 7-5 peratus daripada nilai keseluruhan RM200 bilion yang dipe-
runtukkan bagi RMK-9, kini sudah

HILMI YAHYA
Setiausaha
Parlimen
Kementerian
Kewangan

sedia untuk dikeluarkan.

Menurut Hilmi, dengan pendekatan itu juga kerajaan akan menyenaraihitamkan syarikat yang diragui statusnya bagi mengelakkan sesuatu projek terus tertangguh pada masa depan.

Malah katanya, kerajaan juga telah membuat keputusan untuk menyenaraihitamkan mana-mana syarikat yang gagal melaksanakan projek kerajaan dalam RMK-8 hingga RMK-9.

Tindakan itu dilakukan kerana ia dilihat akan menggagalkan usaha kerajaan merencana Pembangunan keseluruhan untuk rakyat, kata Hilmi lagi.

Hilmi menambah, pemberian tender untuk kesemua projek itu akan dipantau secara langsung oleh Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) bagi mengelak sebarang penyelewengan.